

**Headline****Dari komik ke sasterawan tersohor****Date****07. Aug 2008****Media Title****Berita Harian****Section****Hip****Circulation****217920****Readership****2083000****Language****MALAY****Page No****16****Article Size****547 cm<sup>2</sup>****Frequency****Daily****Color****Full Color****AdValue****9689.48**

# Dari komik ke sasterawan tersohor

SN paling berani berterus terang dan kerana itu beliau tidak pernah makan hati

Oleh Salbiah Ani  
dahya@nsp.com.my

**P**ASTI ramai yang tidak mengetahui perjalanan dunia kreatif Sasterawan Negara (SN) Allahyarham Dr Syed Othman Syed Omar atau lebih dikenali sebagai S Othman Kelantan, bermula dari pelukis komik sebelum mencipta nama pada persada sastera tanah air.

Perkara terbabit didekakkan penulis muda, Shamsuddin Othman, antara beberapa individu yang sempat bertentang mata dengan Allahyarham ketika SN terbabit terlantarkan di Hospital Serdang sebelum berpulang ke Rahmatullah pada 30 Julai lalu, tepat jam 11.45 malam, akibat komplikasi jantung.

"Allahyarham kemudian mengembangkan sayapnya ke dunia penulisan kreatif ketika berkhidmat sebagai guru di beberapa sekolah di Kelantan dan aktif dalam persatuan penulis negeri sehingga berjaya melahirkan anak didik seni yang berdedikasi seperti Sunung Umar RS dan Rahimidan Zahar," katanya.

Shamsuddin menyifatkan cerpen *Pusaran* karya Allahyarham paling berbekas di hatinya kerana mainan emosi pengarang melalui watak Junid, budak lelaki yang mempunyai hubungan 'roh' dengan lembu belaannya yang mahu dikorbankan ayahnya untuk menyambut Aidilfitri.

"Kehebatan Allahyarham dalam genre cerpen dan

novel tidak boleh dinafikan semesta. Sebahagian besar novel Allahyarham banyak menampilkan politik tanah air seperti antaranya *Nagogho Astana, Perjalanan, Angin Timur Laut dan Juara*," jelasnya.

Beliau yang juga Pensyarah Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), begitu terasa 'kehilangan' Allahyarham kerana bilik yang didudukinya kini adalah kamar Allahyarham ketika berkhidmat sebagai pensyarah kontrak pada 2003 hingga 2007.

"Allahyarham pernah menceritakan kepada saya mahu menangani novel yang memuatkan sejumlah pengalamannya, tetapi tidak pasti sama ada ia berjaya diselesaikan atau tidak," katanya.

Sastera diberitahu, Teori Kritikan Melayu janaan Allahyarham menekankan pentingnya teguran dilakukan secara berhemah demi ke arah kebaikan meskipun kurang disenangi sesetengah sarjana, tetapi baginya ia mencerminkan prinsip bangsa Melayu.

"Saya melihat Allahyarham memenuhi aspirasi penulis beriman dan beramal saleh seperti yang ditetapkan dalam al-Quran, surah Asy Syu'ara ayat 224 hingga 227."

"Allahyarham ialah satu-satunya SN yang berani berterus terang dan citranya itu menjadikannya tidak pernah merajuk atau makan hati. Beliau mengkritik atas dasar ilmu dan berlandaskan agama serta demi perkembangan sastera tanah air."

Shamsuddin menyifatkan



S Othman Kelantan

demikian perkembangan sastera tanah air," ujarnya.

Sastera diberitahu, S Othman Kelantan yang bertindak sebagai penulis pojok, *Kalam Pujangga* dalam *Dewan Sastera* sejak dua tahun lalu, meletakkan harapan besar agar sastera Malaysia kembali kepada madamun dan tradisi bangsanya serta berakar umbi kepada Melayu-Islam.

Allahyarham yang melakar nama pada peta sastera tanah air sebaik novel ketiganya, *Angin Timur*

Penobatannya sebagai



PILU: Isteri Sasterawan Negara, Allahyarham S Othman Kelantan, Ranofia Dianti Irwan, menyirami air mawar diperhatikan A Samad Said (kiri) dan anaknya Syed Mohd Zakir (dua dari kiri) di Tanah Perkuburan Sungai Tangkas Bangi, Selangor.

MOHD SAID SAHAD / BERITA HARIAN

Laut, menjengah pasaran pada 1969 dan terus bertapak kukuh sehingga dimotivasi sebagai SN pada 2003 dan menerima Anugerah Sea Write daripada Kerajaan Thailand pada 1990.

Allahyarham meninggal pada 2003 turut menggerakkan Panel Anugerah Sastera Negeri Kelantan (ASNK) yang pertama kali diperkenalkan pada tahun terbabit, memilihnya sebagai penerima bagi Kategori Hadiah Sastera pada 22 Disember 2003.

Allahyarham meninggalkan dunia perguruan yang diceburi sejak 1957 untuk berkhidmat di Universiti Sains Malaysia (USM) pada 1979, sebelum bertukar ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bermula 1983 sehingga bersara (2003).

S Othman meneruskan perjalanan akademiknya di Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya (UM), pada 2004, disusuli Akademi Seni dan Warisan Kebangsaan

(Aswara), tetapi diserang angin ahmar sebelum sempat memulakan tugas di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), baru-baru ini.

Novelnya, *Juara* (1976) yang berkisar pada tradisi laga lembu masyarakat Kelantan bersempadan Thailand diangkat ke filem oleh U-Wei Saari pada 1999 dengan judul *Jogho*.

Sejumlah karya Allahyarham diterjemahkan ke bahasa seperti Inggeris, Perancis, Rusia dan Sinhalis manakala novelnya yang ditulis berdasarkan pengalaman ibunya yang hidup sebagai wanita Kelantan dengan citra Melayu-Islam, *Wajah Seorang Wanita* diterjemahkan ke bahasa Jepun.



Shamsuddin  
Othman  
Pensyarah Fakulti  
Pendidikan UPM

“Allahyarham mengkritik atas dasar ilmu dan berlandaskan agama serta demi perkembangan sastera tanah air”